

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)54**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

54. Nyatakan status projek pembinaan lebuh raya di KADUN Bukit Tengah khususnya:
- (a) Projek lebuh raya Jalan Tok Kangar.
  - (b) Projek naik taraf persimpangan bertingkat Juru Utara (Autocity).

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

54. Status projek pembinaan lebuh raya di KADUN Bukit Tengah.
- (a) Projek penaiktarafan Jalan Tok Kangar terbahagi kepada tiga (3) fasa. Fasa satu (1) dan dua (2) projek tersebut adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Fasa satu (1) telah siap dilaksanakan manakala fasa dua (2) melibatkan pelebaran Jalan Perusahaan (Autocity) sehingga Jalan Tok Kangar kini dalam pelaksanaan. Kontraktor penyiap telah dilantik untuk menyelesaikan baki kerja di tapak. Kerja-kerja di tapak telah bersambung pada 15

April 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2026.

Manakala, fasa tiga (3) projek tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) dari persimpangan Taman Seri Delima sehingga persimpangan lampu isyarat Jalan Juru hingga Jalan Tok Kangar. Projek ini kini dalam proses pengambilan balik tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSTPT) dan kerja-kerja pembinaan di tapak akan dilaksanakan setelah pengambilan balik tanah selesai.

- (b) Projek penaiktarafan jalan di Jalan Kebun Nenas/ Jalan Chian Heng Kai sehingga persimpangan Jalan Song Ban Kheng kini dalam proses penyediaan reka bentuk terperinci oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP).